

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM seru umat hayati ciri2 hidup Islam

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru umat Islam supaya berusaha menggambarkan Islam kepada umat manusia dan dunia dengan menghayati dan menonjolkan prinsip-prinsip tinggi Islam sebagai ciri-ciri hidup yang boleh memanfaatkan semua manusia.

Perdana Menteri berkata, ini penting kerana pada masa ini, Islam sedang mendapat perhatian yang sungguh-sungguh.

Katanya, usaha juga perlu dibuat bagi menggambarkan bahawa Islam adalah agama yang hidup dan boleh memenuhi kehendak keadilan dan kemakmuran dalam semua masyarakat sama ada yang seratus peratus Islam atau berbilang kepercayaan.

Sebagai agama yang memberi kepentingan kepada fikiran dan intelek, Islam tidak pernah menganjurkan paksaan sebaliknya mementingkan strategi dan diplomasi dan cara dakwah yang beraporn santun.

Perdana Menteri berkata demikian dalam kata-kata aluan untuk buku cenderamata Musabqah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa yang akan diadakan

KUALA LUMPUR, Jumaat

mula 27 Jun — 1 Julai di Stadium Merdeka di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, yang penting bukanlah gelaran bahawa sesuatu itu Islam atau tidak, sebaliknya ialah sama ada sesuatu itu mengikut prinsip-prinsip yang dianjurkan oleh Islam.

Bellau menambah, panduan yang ada dalam Al-Quran bukan sahaja berhubung dengan amalan ibadat tetapi juga dalam cara hidup bermasyarakat dan bernegara.

Peraturan

Perdana Menteri juga berkata, usaha-usaha ke arah mengembalikan kebesaran dan kemurnian Islam adalah tanggungjawab setiap umat Islam.

"Al-Quran yang disampaikan melalui Rasul pilihan, junjungan kita Muhamad S.A.W. adalah satu rahmat dan untuk menyempurnakan hidup manusia dalam mencapai kebahagiaan dan kejayaan dunia dan akhirat," tambahnya.

Al-Quran, ujar Datuk Seri Dr Mahathir, adalah kalam Allah

yang tidak syak lagi kebenarannya.

Katanya, penemuan-penemuan sains dan hasil penyelidikan membuktikan bahawa Al-Quran bukan sahaja sebagai gedung peraturan hidup dan ilmu pengetahuan yang lengkap malahan sebagai mukjizat yang penuh rahsia.

"Sebagai umat Islam, tugas kita bukanlah sahaja membaca dan mendapat pengertian dari Al-Quran, tetapi mengambil pengajaran dan mengikut segala peraturan dan kehendak-sekehendaknya dengan amalan, lebih-lebih lagi dalam gerak-geri kita seharian," katanya lagi.

Perdana Menteri menambah, dalam dunia yang serba maju ini, Islam sebagai agama yang hidup boleh menjadi penggerak kepada semua kegiatan kemajuan.

Dalam hal ini, katanya, yang penting bukanlah peraturan dan paksaan tetapi setiap umat Islam dapat dididik dan dipupuk untuk menjadi pembawa nilai-nilai Islam.

Menyentuh mengenai tema musabqah, beliau berkata, adalah satu prinsip yang diterima umum, tetapi Islamlah yang dengan langkahnya menggariskan prinsip ini bagi keseluruhan hidup seseorang individu dan masyarakat.